


BAB 2

BAB 2. NEGARA DAN TAMADUN JEPUN

2.1 Pendahuluan

Perkataan alam dalam Kamus Dewan¹ membawa maksud segala apa yang ada di langit dan di bumi. Makna lainnya ialah lingkungan yang meliputi golongan atau kumpulan orang atau kehidupan lain yang tertentu atau sejenis. Manakala sekitar pula boleh ditakrifkan sebagai sekeliling. Maka alam sekitar bolehlah difahami sebagai kawasan sekeliling dari langit hingga ke bumi yang melingkungi segala kehidupan sama ada manusia atau pun makhluk lain.



Bendera Jepun yang berasaskan matahari terbit.
(sumber: www.all_aboutjapan.jpg.com)

¹ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hal 21.

Perkataan “tamadun” pula mempunyai empat makna sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kamus Dewan, iaitu: pertama, keadaan masyarakat yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi. Kedua, negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain). Ketiga, budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan sesuatu zaman) tertentu. Keempat, keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus. Daripada keempat-empat definisi tamadun ini, ia bolehlah diertikan dengan satu pekataan sahaja iaitu “*peradaban*”.

Penggunaan istilah tamadun atau peradaban sering diutarakan sebagai sesuatu yang begitu gemilang. Ia membezakan manusia dengan manusia yang tidak mempunyai tamadun ataupun dianggap *barbarian* (orang-orang gasar atau barbarik)². Secara mudahnya kita boleh menyatakan bahawa tamadun adalah satu pencapaian tinggi yang diperolehi oleh manusia dalam semua aspek kehidupannya. Keadaan ini berkaitan dengan tahap kemajuan organisasi politik, ekonomi dan sosial serta mencapai keselesaan kehidupan manusia.

Kesimpulannya konsep tamadun seharusnya dilihat dari perspektif yang lebih luas, tidak semata-mata mementingkan pencapaian yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi sahaja, tetapi pencapaian tersebut harus mengambil kira juga pencapaian tatasusila dan moralnya. Seperti tamadun Jepun yang bukan sahaja muncul antara

² Azhar Hj. Mad Aros. et. al., *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)* (Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti, 2001), hal. 2.

tamadun besar dunia tetapi nilai positif yang terdapat didalamnya telah menjamin ketahanannya dalam meneruskan kelangsungan bagi sebuah tamadun yang hebat.

Daripada definisi yang telah diberikan di atas, dapatlah dilihat bahawa tajuk yang dibincangkan oleh penulis mengandungi maksud yang lebih luas lagi. Dengan kata lainnya, penulis ingin membincangkan peranan alam sekitar atau pengaruhnya terhadap perkembangan tamadun Jepun. Alam sekitar seperti hutan, pokok-pokok, bukit-bukau, gunung-ganang, lautan, sungai-sungai, tasik, negara kepulauan, negara empat musim dan lain-lain lagi³, memainkan peranan dalam pembentukkan masyarakat dan negara seterusnya tamadun Jepun. Pengaruh alam sekitar amat besar dalam bidang ekonomi, politik, sosial, ritual keagamaan dan juga mentaliti serta tingkah laku penduduknya. Umpamanya kelahiran masyarakat yang tabah dan cekal kerana kesusahan dan kepayahan yang sentiasa dialami akibat daripada fenomena alam sekitar seperti gempa bumi, ribut dan letusan gunung berapi.

³ Jeffrey Broadbent, *Environmental Politics in Japan: Networks of Power and Protest*. (Cambridge: Cambridge University Press, 1998), hal 5.



Antara mercu tanda Jepun hari ini. Iaitu satu arca berbentuk gergaji di Tokyo.
 (sumber: Taro Sakamoto. Terjemahan Sylvia Tiwon. Jepang Dulu Dan Sekarang. Jakarta : Gajah Mada University Press, 1982), hal. 12.

Jepun, merupakan negara pertama di Asia yang telah mencapai kemajuan begitu pesat, hebat dan mengagumkan. Ini adalah kerana, antara lainnya berpunca daripada jatidiri dan kekuatan dalaman yang dimiliki oleh masyarakat Jepun. Mereka merupakan masyarakat yang paling cepat belajar, dan tidak mengulangi kesalahan yang sama dua kali. Setelah berjaya membebaskan diri mereka dari belenggu feudalisme, Jepun bangun sebagai kuasa yang hebat dan maju di timur bagi menyaingi barat di Eropah⁴. Kemudian,

⁴ John Mock, Culture, Community and Change in a Sapporo Neighborhood, 1925–1988 (The Edwin Mellen Press: Lewiston, 1999).

setelah arena politiknya dikuasai oleh golongan militer, Jepun mula menjadi kuasa imperialis dan berjaya menjajah banyak negara di timur serta berjaya menumbangkan kuasa barat seperti Rusia dan Britain.

Setelah dikalahkan dengan teruk di dalam Perang Dunia Kedua, Jepun membangun dengan cepat hingga berjaya muncul sebagai kuasa ekonomi yang disegani dunia. Mungkin kejayaan ini disebabkan oleh Jepun bertindak lebih dahulu berbanding negara-negara lain di Asia, atau mungkin juga kerana Jepun beruntung dapat memulakan permodenannya dalam suasana dunia antarabangsa yang agak tenang selepas perang dunia kedua, atau mungkin juga kerana masyarakatnya mempunyai nilai-nilai istimewa yang telah menjana pertumbuhan tersebut secara tidak langsung.

Namun demikian, pada hakikatnya Jepun telah berjaya meningkatkan peradabannya menjadi sebuah tamadun yang disegani di rantau ini. Kejayaan ini amatlah penting untuk dikaji dan dinilai bagi mengetahui apakah instrumen yang telah menggerakkannya ke arah tersebut. Ini mustahak bagi membantu kita memahami kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam tamadun Jepun dalam meneruskan kelestarian tamadun kita atau tamadun Melayu amnya. Kejayaan Jepun juga bolehlah dijadikan sebagai satu gambaran atau cerminan kepada negara-negara membangun yang lain bahawa kemajuan tidak mustahil untuk dicapai⁵. Jika Jepun boleh melakukannya mengapa kita tidak?. Kita juga dapat melihat bagaimana kejayaan Jepun mengalahkan Russia dalam perang Russia-Jepun 1904-05 telah menjadi pembangkit semangat dan

⁵ Jens Wilkinson, *Foreign Migrants in Contemporary Japan*, (Trans. Melbourne: Pacific Press, 2001), hal. 74.

pencetus gerakkan nasionalisme di Asia termasuklah Malaysia dalam perjuangan menentang penjajahan barat.


Kejayaan Jepun membentuk tamadunnya yang begitu gah dan hebat pada hari ini bukanlah berlaku dengan sekilip mata. Ia melalui berbagai rintangan dan halangan yang telah banyak mendewasakannya dalam menempuh arus dunia yang penuh gelora. Oleh itu, walaupun tujuan utama disertasi ini untuk mengkaji dan menganalisa pengaruh alam sekitar atau alam sekeliling dalam pembentukkan tamadun Jepun yang begitu unik, ia juga akan melihat kekuatan yang tersirat disebaliknya. Namun tugas ini tidak dapat dicapai tanpa melihat dan merujuk kepada sejarahnya yang agung dan bernilai. Sejarah awalnya harus digarapi dengan teliti dalam menjelaskan kesinambungannya dengan kemajuan Jepun pada hari ini.

2.2 Imbasan awal negara Jepun

Jepun merupakan sebuah negara kepulauan yang dikelilingi oleh lautan luas yang begitu indah dan permai serta ditandai dengan ribuan pintu gerbang yang dinamakan *torii*. Jepun berbentuk garis melengkung yang terbentang dari Timur Laut ke Barat Daya di lautan bahagian Timur Asia. Luas wilayahnya ialah 370,000 Km, iaitu cuma 1/27 keluasan daratan China dan 1/25 saiz keluasan Amerika Utara atau 1/5 keluasan Indonesia⁶. Ia merentang dari utara ke selatan sepanjang 3,000 kilometer⁷. Jepun terdiri

⁶ Taro Sakamoto. Terjemahan Sylvia Tiwon. Jepang Dulu Dan Sekarang. (Jakarta : Gajah Mada University Press, 1982), hal 1.

daripada empat buah pulau yang utama iaitu Honshu, Kyushu, Shikoku dan Hokkaido. Ibu negaranya sekarang ini ialah Tokyo. Negara Jepun beriklim sederhana, dengan hujan yang banyak dan mempunyai tanah yang begitu subur. Masyarakatnya pula mempunyai sikap dan tabiat rajin bekerja serta sentiasa bersatu padu dan bekerjasama dalam sesuatu perkara atau perkara yang hendak dilakukan.



Kawasan tanaman padi di Jepun.
(sumber: www.japan-photo.com.my)

⁷ Azhar Hj. Mad Aros. et. Al., *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)* (Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti, 2001), hal. 289.

Di keempat-empat pulau ini terdapat banyak gunung-ganang⁸. Terdapat banjaran-banjaran gunung yang tinggi dan berbukit bukau. *Gunung Fuji* atau disebut juga dalam masyarakat Jepun sebagai *Fujiyama* dengan ketinggian melebihi 3,780 meter, adalah merupakan lambang keindahan negara Jepun. Ia berbentuk kun dan hampir dikenali diseluruh dunia kerana bahagian atasnya sentiasa dilitupi oleh salji. Pantainya berliku-liku dan lereng gunungnya curam, ini telah menjadikannya antara negara yang mempunyai permandangan yang indah di dunia. Ia juga dianugerahkan dengan sungai-sungai yang deras dan bersih airnya. *Sungai Shinanogawa* adalah sungai terpanjang di Jepun. Manakala *Tasik Biwa* pula merupakan antara tasik yang menjadi tumpuan pelancong kerana keindahan dan pembentukannya yang untuk iaitu daripada kawah gunung berapi. Jepun juga mempunyai tanah dataran atau tanah pamah, tetapi ia hanyalah berjumlah lebih kurang 16 peratus sahaja⁹. Kawasan-kawasan inilah sekarang yang digunakan sebagai penempatan dan pertanian. Masyarakat Jepun mengoptimumkan penggunaan tanah untuk kehidupan kerana jumlahnya yang terlalu sedikit. Oleh sebab itulah masyarakat Jepun memang telah terdidik dengan sifat sabar dan rajin untuk mendapatkan sebanyak mungkin hasil daripada setiap inci tanah yang diusahakan untuk pertanian.

Jepun merupakan negara yang dipenuhi dengan gunung berapi dan sering dilanda gempa bumi yang kerap dan kuat. Antara sebab utama Jepun sering dilanda masalah ini


⁸ Negara jepun terdiri daripada lebih 3,000 buah pulau dan empat pulau yang terbesar ialah Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu.

⁹ Jurnal yang bertajuk, “Gaining Confidence and Friendship’ in Aborigine Country: Diplomacy, Drinking, and Debauchery on Japan’s Southern Frontier” di tulis oleh William Mcweld untuk Kajian Sosial Jepun, 2003.

ialah kerana ia terletak di kawasan Lingkaran Api Pasifik iaitu kawasan yang memang mempunyai gunung berapi yang masih aktif serta struktur buminya yang sentiasa bergerak dalam keadaan perlahan. Keadaan ini telah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Pada zaman *Pleistosen*, pulau-pulau ini teletak di bawah aras laut, ia baru sahaja muncul di permukaan laut kerana pergerakkan tanah dan pembentukkan gunung yang berlaku pada akhir zaman tersebut¹⁰. Atas sebab ini jugalah negara Jepun mempunyai banyak kawasan air panas¹¹. Suatu masa dahulu juga kepulauan Jepun ini merupakan sebuah kawasan tanah kering yang bersatu dengan China dan Korea. Penemuan fosil gajah di pelbagai tempat di seluruh Jepun menunjukkan bahawa ia datang dari arah utara iaitu Korea dan barat daya iaitu China. Dan kemudian apabila paras air laut mula meningkat, maka terbentuklah pulau-pulau Jepun pada hari ini.

¹⁰ Taro Sakamoto, *op. cit.*, hal 1.

¹¹ Sumber internet: <http://www.japan.guide.com/list/e1000.html>.



Empat pulau utama di Jepun.

(sumber: George Samson, *A History Of Japan 1334-1615*, (London : The Cresset Press, 1961) hal. 2.

Kerajinan dan kebijaksanaan masyarakat Jepun dalam mengeksplorasi sumber alam memang telah diketahui sejak dahulu lagi, ini adalah kerana bentuk muka bumi yang begitu telah mempengaruhi cara hidup dan berfikir masyarakat Jepun. Kerana faktor gunung-ganang ini jugalah masyarakat Jepun telah mencebur入 bidang kelautan dan akhirnya menjadi antara pelaut yang hebat dan ulung di dunia hari ini. Kawasan lautnya adalah antara kawasan yang mempunyai paling banyak ikan di dunia. Ini dibantu pula oleh pulau-pulau, arus laut serta suhu panas dan sejuk yang mengalakkan pembiakan ikan di sekitar negara kepulauan ini. Laut juga adalah merupakan satu cara perhubungan yang terpenting di Jepun. Melalui laut jugalah telah menjadikan masyarakat

Jepun terdedah kepada tamadun lain terutamanya tamadun China¹². Maka ia telah menggalakkan perkembangan tamadun Jepun hasil daripada interaksi dengan tamadun luar terutamanya dari segi ilmu pengetahuan dan teknologi luar.

2.3 Asal-usul orang Jepun

Persoalan siapakah penduduk asal atau penduduk terawal yang tinggal di Jepun dan yang telah bertanggungjawab atas wujudnya tamadun Jepun boleh dijawab jika kita berjaya menelusuri perkembangan tamadun Jepun ini dari peringkat awal lagi. Apa yang pasti bahawa mereka adalah merupakan bangsa yang tersendiri, yang secara lahiriahnya mirip kepada bangsa-bangsa tetangganya seperti orang-orang Korea, Manchuria dan Mongolia. Juga dapat dipastikan bahawa bangsa inilah yang telah menetap di kepulauan itu sejak zaman batu hingga ke hari ini. Tanpa pembaharuan disebabkan oleh penaklukan atau perpindahan oleh bangsa-bangsa lain.

Masyarakatnya berkulit cerah (putih-kuning) dan bermata sepet, ini sememangnya ciri-ciri yang dimiliki oleh masyarakat dari kelompok *Mongoloid*¹³ seperti juga masyarakat China, Taiwan dan Korea. Tetapi kebanyakkan masyarakat Jepun bertubuh agak rendah daripada orang-orang China atau Taiwan, hingga negara Jepun pernah digelarkan *Wa-State* yang bermaksud negeri orang-orang kerdil pada suatu masa dahulu.

¹² Wesley Sasaki, *Organizing the Spontaneous: Citizen Protest in Postwar Japan*, (Uemura. Honolulu: University of Hawai'i Press, 2001), hal. 18.

¹³ Awang Sulung (bisik-bisik mingguan), Mingguan Malaysia, Ahad 19 Mei 2002 hal. 6.

Berbagai-bagai teori kedatangan masyarakat ini cuba dijelaskan. Ada yang berpendapat asal bangsa Jepun ialah bangsa primitif berbahasa *Ural-Alta*¹⁴ yang datang dari Asia Utara melalui Karafuto dan Hokkaido. Kelompok ini secara bertahap mengembangkan ciri-cirinya yang tersendiri. Bangsa asal ini ditambah pula dengan ciri-ciri bangsa *Ainu* yang berasal dari Utara iaitu Korea yang telah datang menyeberangi lautan dari semenanjung Korea dan juga di bahagian Selatan Kyushu iaitu dari Indonesia¹⁵. Percampuran bangsa ini terus berlangsung hingga zaman sejarah, tetapi tidak pernah menghasilkan pembaharuan besar kepada penduduk aslinya. Juga dapat dipastikan bahawa bangsa Jepun primitif telah mengalami proses pertumbuhan dan perkembangan yang perlahan tetapi pasti. Mereka berhasil menyerap bangsa lain tanpa mengorbankan integrasi sendiri dan ciri-ciri keadaannya yang tersendiri. Teori lain pula mengatakan bahawa penduduk Jepun sekarang berasal dari Selatan yang berhijrah melalui Pulau Formosa dan Ryukyu. Tetapi bukti-bukti dari segi kaji purba menunjukkan dengan jelas bahawa kebanyakkannya daripada orang-orang Jepun datang dan sampai dari Utara melalui Korea. Sesetengahnya mungkin berasal dari daerah-daerah yang lebih jauh di Timur Laut Asia dan yang lain-lainnya mungkin berasal dari kawasan pantai China Selatan¹⁶. Di sana mereka telah berhubung dengan orang-orang Asia Tenggara dan pulau-pulau yang berdekatan dengannya.

¹⁴ Ural-Alta ialah bahasa yang dituturkan oleh kumpulan masyarakat dibahagian Utara tanah besar China termasuklah orang-orang Mongolia dan Rusia.

¹⁵ Taro Sakamoto, *op. cit.*, hal. 2.

¹⁶ H. Paul Varley, *Japanese Culture*, (Hawaii : University of Hawaii Press, 1984), hal. 4.

Meskipun bangsa Jepun itu pada hakikatnya berketurunan *Mongoloid*, tetapi orang yang pertama menduduk pulau-pulau Jepun merupakan nenek moyang orang-orang *Ainu* moden sekarang¹⁷. Mereka dipercayai sebahagian daripada rumpun *proto-putih*, iaitu satu kumpulan yang terpisah daripada rumpun bangsa *Caucasus*, maka tidak semua ciri-ciri *Caucasus* lengkap berkembang pada masa itu. Kaum *Ainu* mungkin pernah pada suatu masa dahulu menduduki seluruh kepulauan Jepun, tetapi mereka mempunyai kebudayaan zaman batu baru yang dipunyai oleh orang-orang Monggol yang datang ke Jepun. Hasilnya dengan beransur-ansur mereka telah merantau ke arah Timur dan Utara melalui pulau-pulau Jepun yang memanjang, sehinggalah sekarang ini wujud sebagai bangsa yang hampir pupus. Mereka tinggal di kawasan perkempungan yang primitif di bahagian yang lebih terpencil di pulau Hokkaido iaitu di bahagian Utara kepulauan Jepun dan di pulau-pulau sekitarnya.

Sumbangan orang-orang *Ainu* kepada Jepun tidaklah banyak, hanya mereka mungkin telah mempengaruhi sifat-sifat dan bentuk badan orang-orang Jepun sekarang iaitu yang lebat bulu badannya berbanding dengan orang-orang Monggol yang lain. Misai lebat dan kasar yang dimiliki oleh pegawai-pegawai tentera dan golongan saudagar Jepun itu mungkin disebabkan oleh darah *Ainu* yang diwarisinya.

Selain itu, satu lagi faktor yang boleh kita bawa dalam membincangkan asal-usul penduduk Jepun ialah kaitannya dengan bahasa. Meskipun bahasa Jepun termasuk kelompok bahasa Ural-Alta, bahasa itu sendiri tidak menunjukkan hubungan langsung dengan rumpun bahasa Alta lain seperti bahasa Truhi, Mongolia, Tungu dan Korea.

¹⁷ Richard Storry, *A History of Modern Japan*, (Middlesex, England : Penguin Books, 1960), hal. 24.

Kemungkinan besar bahasa Jepun terpisah dari bahasa Alta primitif pada zaman yang lebih dahulu daripada bahasa-bahasa lain, dan tiba di kepulauan Jepun di mana perkembangannya diteruskan. Berkemungkinan besar dimana proses yang sama juga berlaku dalam pembentukan bangsa Jepun¹⁸.

Selain itu juga bahasa yang dituturkan pada zaman Yayoi adalah merupakan bahasa yang zaman yang digunakan pada zaman Nara dan berterusan hingga ke hari ini. Zaman Yayoi ini berlangsung selama kira-kira enam abad lamanya, iaitu dari 300 S.M. hingga 300 M. pada zaman inilah juga telah bermulanya proses penanaman padi kepada masyarakat Jepun, dan ianya diwarisi hingga ke hari ini. Maka bolehlah dilihat disini bahawa masyarakat ini telah mewarisi kebudayaan, keturunan dan politik Jepun. Masyarakat ini jugalah yang telah mewarisi pemerintahan Jepun sejak dahulu kala dan ianya diteruskan kepada pemerintahan selepasnya. Mereka jugalah yang telah banyak mencorakkan peradaban Jepun hingga ia mampu dikenali di seluruh dunia pada hari ini¹⁹.

2.4 Perkembangan Tamadun Jepun

Masyarakat Jepun adalah merupakan masyarakat yang telah mempunyai kebudayaan tersendiri sebelum kemasukan tamadun luar khususnya dari China. Mengikut kronologi sejarah, perkembangan masyarakat Jepun dimulai dengan zaman pra-sejarah yang dikenali sebagai zaman Jomon. Rentetan kebudayaan prasejarah Jepun adalah unik kerana Jepun tidak mengikuti perkembangan zaman yang biasa sebagaimana negara-

¹⁸ Edwin O. Reischauer, *Japan : Past and Present*, (New York : Alfred A. Knopf, Inc., 1964), hal. 11.

¹⁹ *Ibid*, hal. 52.

negara lain didunia iaitu zaman batu, zaman gangsa dan zaman besi²⁰. Sebaliknya ia mempunyai keunikan tersendiri iaitu dimulai dengan zaman Jomon, diteruskan kepada zaman Yayoi, zaman Makam, zaman Nara, zaman Heian, zaman Kamakura, zaman Keshogunan Ashikaga dan terakhirnya zaman Keshogunan Tokugawa sebelum memasuki era permodenan pada zaman Meiji. Ia boleh dijelaskan melalui carta berikut:

Zaman Jomon	8000 - 300 S.M	(Zaman Prasejarah)
Zaman Yayoi	300 S.M. – 300 M	(Zaman Prasejarah)
Zaman Tokugawa	1603 - 1867 M	(Zaman Kegemilangan Ajaran Konfucius)
Era Meiji	1868 - 1912 M	(Zaman Transisi Kepada Zaman moden)
Era Heisei	1989 - Kini	(Zaman Kontemporari)

Jadual 1: Peringkat perkembangan tamadun Jepun (sumber:
www.japanhistory.com/cabinet/org)

2.4.1 Zaman Jomon

Zaman ini dikatakan bermula seawal 8,000 S.M. hingga 399 S.M. Perkataan Jomon berasal daripada barang-barang yang telah direka oleh orang-orang Jomon dari


²⁰ *Ibid*, hal. 58.

tanah liat jenis Jomon²¹. Dari aspek sosial, masyarakat zaman Jomon hidup dengan cara nomad dan menjalankan aktiviti menangkap ikan, berburu dan mengumpulkan serta mengutip makanan hutan seperti buah-buahan, kekacang dan lain-lain lagi. Mereka juga sudah mula memelihara anjing yang digunakan untuk mengawal rumah dan membantu sewaktu memburu binatang di hutan. Penduduk awal ini mempunyai penempatan sendiri yang terdapat kemudahan makanan dan minuman²². Mereka juga membuat rumah-rumah di dalam tanah yang dikenali sebagai *pit-dwelling*. Kubur didirikan berhampiran rumah dimana mayat ditanam dalam keadaan dibengkokkan dan dihempap dengan batu. Alatan dalam rumah seperti periuk belanga juga dibuat daripada tanah liat. Mereka juga menganuti fahaman *Proto-Shinto* iaitu satu kepercayaan kepada tuhan atau kuasa suci yang terdapat di alam sekeliling mereka. Bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Jomon ini agak sukar untuk dikenalpasti apatah lagi dengan tiadanya artifak yang berbentuk tulisan yang dijumpai pada zaman ini. Oleh itu bolehlah dikatakan masyarakat pada zaman ini buta huruf dan menggunakan bahasa *Proto-Jepun*²³.

²¹ M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, (Kuala Lumpur: Arena Buku Sdn. Bhd., 1998), hal. 2.

²² *Ibid*, hal. 79.

²³ Eiichiro Ishida, *Budaya Jepun : Kajian Tentang Asal-Usul dan Ciri*, (Kuala Lumpur : Pustaka Cipta Sdn. Bhd., 1986) hal. 51.



Pasu zaman Jomon yang merupakan antara pasu tertua di dunia.
(sumber: www.japangallery.com)

2.4.2 Zaman Yayoi


Ia bermula sekurang-kurangnya selama enam abad iaitu sejak 300 s.m. hingga 300 m. Mereka sudah mula mengetahui teknik penanaman padi dan mula melakukannya dengan cara berhumus. Maka secara tidak langsung ia telah mewujudkan satu struktur

sosial iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah atau rakyat jelata²⁴. Maka dengan ini sistem ketua *Uji*²⁵ diperkenalkan. Mereka juga telah merubah sistem bekerja mereka daripada corak tradisional iaitu berburu, mengutip hasil hutan dan sebagainya kepada menanam padi. Pada zaman ini juga mereka pandai bertukang, iaitu dimulakan dengan membina tempat menyimpan lebihan hasil padi (gudang) dan berkembang kepada pembuatan rumah. Mereka juga hidup secara berkumpulan dan sentiasa bekerjasama dalam melakukan sesuatu terutamanya apabila hendak membuat sesuatu keputusan. Barang tembikar pada zaman ini juga lebih baik dari zaman Jomon, ia mempunyai nilai estetika yang tinggi dan hampir-hampir serupa dengan tembikar-tembikar Dinasti Han di negara China²⁶. Pada zaman ini juga logam mula diperkenalkan kepada tamadun Jepun, iaitu pengetahuan baru yang dibawa dari China. Maka banyaklah barang logam dihasilkan terutamanya untuk alatan keagamaan dan penyembahan. *Geta* atau sejenis kasut terompah yang digunakan untuk ke sawah, keluar ke pekan, berkebun dan sebagainya juga mula diperkenalkan pada zaman ini.

²⁴ Azhar Mad Aros, *op. cit.*, hal 297.

²⁵ Sistem *Uji* adalah satu sistem yang mana setiap Ketua *Uji* yang mewakili sesuatu kaum atau puak diberikan tugas-tugas atau tanggung jawab tertentu seperti ketenteraan, pertanian, kesamian, pertukangan dan sebagainya. Sistem ini bolehlah dikatakan raja dianggap sebagai boneka sahaja, ini adalah kerana kadang-kadang kuasa Ketua *Uji* ini mengatasi kuasa Maharaja sendiri. Namun walaupun begitu raja masih lagi dianggap Tuhan kepada masyarakat Yayoi dan Maharaja tidak boleh diaingkiran daripada takhtanya kerana Maharaja dianggap dari keturunan dewa-dewi.

²⁶ Soame Jenyns, *Japanese Pottery*, (Glasgow : The University Press, 1971), hal. 44.



Antara jenis-jenis Geta yang direkodkan di Jepun.

(sumber: Mudji .S, Buddhisme Pengaruhnya dalam Abad Moden, hal. 150)

2.4.3 Zaman Makam

Perkembangan tamadun Jepun diteruskan lagi dengan pengenalan satu zaman unik iaitu zaman Makam. Dinamakan zaman Makam kerana penemuan banyak kubur lama yang mempunyai corak lubang kunci gergasi. Kemahiran dalam pembinaan kubur

besar ini telah menunjukkan bahawa masyarakat zaman ini mempunyai status sosial yang tinggi berbanding zaman sebelumnya. Batu nisan dibina dalam pelbagai bentuk termasuklah corak lubang kunci, bulat, empat segi dan sebagainya. Kubur-kubur ini dibina dengan keadaan berbukit dan curam secara bersebelahan. Di bahagian luarnya diletakkan timbunan pasir tembikar untuk menggelakkan hakisan. Di dalam kubur yang telah diletakkan timbunan pasir ini, biasanya akan diletakkan mayat ketua dan mungkin satu atau dua mayat lagi²⁷. Di dalam upacara pengkebumian ini juga, masyarakat zaman ini akan memasukkan sekali barang-barang si mati seperti barang logam dan barang yang diperbuat daripada tanah liat yang dipanggil *Haniwa*, iaitu pepatung yang berbentuk orang berpakaian, haiwan, rumah dan lain-lain lagi.

2.4.4 Zaman Nara

Nara adalah satu zaman yang bermula dari tahun 710 M. hingga 784 M. Pada tahun 710 m. Maharani Gemmyo iaitu raja dan pemerintah Jepun pada masa itu telah mendirikan ibu negaranya yang tetap di Nara²⁸. Sudah menjadi adat resam bagi setiap Maharaja atau Maharani akan memulakan pentadbiran atau pemerintahan di suatu tempat yang baru. Oleh itu Maharani Gemmyo telah memilih Nara sebagai pusat pemerintahan kerana dirasakan sesuai dan mempunyai *feng-shui* yang bagus. Di bawah pengaruh keluarga Fujiwara, Nara menjadi pusat pentadbiran dan tempat perkembangan sosial termasuklah agama Buddha di Jepun. Dari segi sosial, agama Buddha merupakan aspek


²⁷ Azhar Mad Aros, op.,cit., hal 58.

²⁸ M. Rajendran, *op. cit.*, hal. 17.

yang penting dalam ketamadunan Jepun. Banyak kuil-kuil Buddha telah dibina. Pada zaman Nara juga telah menampakkan pembinaan *Daibatsu* iaitu patung Buddha yang mashyur. Manakala *Horyuji* pula adalah kuil tertua di Jepun yang terletak di Nara. Tokoh yang bertanggung jawab membawa masuk agama Buddha ke Jepun ialah putera Shotoku iaitu anak saudara kepada Maharani Gemmyo. Selain itu putera Shotoku juga telah memperkenalkan satu kod etika yang dikenali sebagai “*Artikel Tujuh Belas*”. Kod etika ini sebenarnya merupakan asimilasi daripada kod etika *Confucius* yang diperkenalkan di China. Kod etika ini mengandungi garis panduan etika sosial yang perlu dijadikan panduan oleh pegawai-pegawai pemerintah dan rakyat Jepun dalam menjaga tingkah laku mereka. Selain itu, sumbangsan agama Buddha yang tidak kurang pentingnya juga ialah kemasukan tulisan China dan telah diasimilasikan ke dalam tamadun Jepun. Tulisan Jepun hari ini adalah diambil dari huruf China yang dikenali sebagai dengan nama *Kanji* dalam bahasa Jepun. Kemudian ianya dikembangkan menjadi tulisan *Hiragana* dan *Katagana*. Orang-orang Jepun zaman ini juga telah berjaya menghasilkan sastera mereka²⁹ dengan menggunakan asas daripada China³⁰. Hasil sastera terkenal pada zaman ini dikenali sebagai *Nihonshoki* atau *Nihongi*.

²⁹ Wesley Sasaki, *Organizing the Spontaneous: Citizen Protest in Postwar Japan*, (Uemura. Honolulu: University of Hawai'i Press, 2001).

³⁰ *Ibid.*, hal. 55.



Tulisan Jepun yang dikenali sebagai Kanji. Tulisan ini bererti Nihon.
 (Milon Nandy,The Profound Teachings of Buddhism, Taoism,
 Confucianism, & Shintoism) hal 21.

2.4.5 Zaman Heian

Zaman Heian dikatakan bermula pada tahun 794 m. apabila istana Heian-Kyo didirikan di Kyoto. Selepas perpindahan ibu negara ke Heian-Kyo, keluarga Fujiwara menjadi semakin berkuasa dan memonopoli jawatan Sessho atau pemangku raja dan Kompaku iaitu pengarah awam³¹. Dalam aspek pendidikan, pada zaman Heian, golongan bawahan tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan formal. Pendidikan adalah hak keturunan Maharaja, hingga telah didirikan Universiti Imperial khusus untuk masyarakat di istana Jepun. Biasanya anak golongan aristokrat sahaja yang akan mendapat kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan. Terdapat sekolah kecil (Ho) dan

³¹ M. Rajendran, *op. cit.*, hal 88.

sekolah menengah (Chin). Peperiksaan juga sudah mula diadakan di Universiti Imperial. Pada masa ini juga, agama Buddha sudah mula diterima dengan baik oleh masyarakat Jepun. Walaupun dahulunya masyarakat Jepun tidak menyenangi kemasukkan agama Buddha, tapi pada zaman Heian mereka mula menerima dengan baik.

2.4.6 Zaman Kamakura

Pada tahun 1192, Yoritomo Minamoto telah dilantik sebagai Sei-I- Ta Shogun, iaitu pahlawan tidak terbilang. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Kesyogunan Kamakura di Jepun³². Pada masa ini juga, Yoritomo telah mendirikan kerajaan Kesyogunan atau disebut juga Bakufu di Kamakura. Yoritomo juga telah menyokong perkembangan Buddha di Jepun. Semasa zaman beliaulah, bermulanya pembinaan patung Buddha yang agung atau disebut juga sebagai “The Great Buddha” setinggi 46 kaki. Ia dibina pada pertengahan abad ketiga yang dikatakan mempunyai persamaan dengan patung pada zaman Nara. Tetapi patung pada zaman ini lebih cantik dan bersaiz lebih besar berbanding zaman Nara. Antara perkara besar yang diterapkan pada zaman ini ialah konsep Bushido, yang menekankan kepada kesetiaan mutlak, pengorbanan diri, keadilan, perasaan malu, adab yang halus dan terpuji, kesucian, kesopanan berjimat cermat, semangat keperwiraan, kehormatan, kasih sayang dan lain-lain lagi. Konsep Giri juga ditekankan iaitu kewajipan moral antara ketua dengan pekerja, ibu-bapa dengan anak-anaknya, suami dengan isteri, abang kakak dengan adik.

³² M.Rajendran, *ibid*, hal. 17.

2.4.7 Zaman Keshogunan Ashikaga

Keshogunan Ashikaga juga dipanggil Muromachi Bakufu. Ini adalah kerana Shogun Ashikaga yang ketiga Yoshimitsu (1358 hingga 1408) telah membina sebuah istana yang baru di Muromachi, Kyoto dalam tahun 1378. Beliau juga telah memindahkan Kesygungan tersebut ke Kyoto³³. Shogun Yoshimitsu dan Yoshimasa banyak membazirkan kekayaan Bakufu untuk projek-projek mewah. Yoshimitsu telah membina kuil *Pavilion Emas* yang amat mashyur di Kyoto. Sementara Yoshimasa pula telah membina sebuah bangunan yang hampir sama yang dipanggil *Pavilion Perak*. Pada zaman ini, hubungan antara Jepun dan China berjalan dengan baik sekali. Ajaran Buddha aliran *Zen* berkembang dengan maju terutamanya bagi kalangan tentera. Hasilnya lahirlah satu adat yang unik, iaitu adat minum the atau ‘*Cha No Yu*’. *Cha No Yu* adalah satu seni minum teh yang di dalamnya terkandung kelembutan, kesopanan, ketekunan dan penuh penumpuan. Penggunaan tikar Tatami juga berkembang meluas pada zaman ini. Satu lagi perkara yang penting dan menjadi satu ciri masyarakat Jepun yang dikagumi ialah kesenian taman atau “*landskap*”³⁴. Seni ini telah berkembang pesat dan hampir kebanyakan rumah pembesar Jepun pada masa itu mempunyai taman-taman yang indah dan cantik yang mengandungi pokok bongsai, aliran air daripada buluh, pasir halus yang dijadikan seperti ombak dan sebagainya. Seni taman ini sebenarnya menggambarkan pemikiran yang halus dan hubungan antara manusia dengan alam sekitar. Ia dengan jelas

³³ M.Rajendran, *ibid*, hal 25.

³⁴ Azhar Mad Aros, *op. cit.*, hal 47.

menunjukkan hubungan sosial dan interaksi diantara kedua-dua pihak akan mewujudkan nilai persefahaman menerusi senibina dan seni taman yang dihasilkan.

2.4.8 Zaman Keshogunan Tokugawa.

Zaman ini berlangsung antara tahun 1603 M. hingga 1867 M. Ia merupakan kerajaan berbentuk tentera yang paling lama tempoh pemerintahannya dan telah mendominasi politik Jepun pra-moden. Kesyogunan Tokugawa diasaskan oleh Tokugawa Ieyasu. Beliau dapat membentuk kesatuan dan dapat menyatukan negara Jepun berbanding dengan tokoh agung era Sengoku Jidai iaitu Oda Nobunaga dan Toyotomi Hideyoshi³⁵. Pada zaman inilah mulanya muncul kelas-kelas sosial seperti golongan Kuge atau bangsawan, golongan Daimyo dan diikuti dangan kumpulan rakyat jelata yang dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu kelas pahlawan atau Samurai (Bushi), petani (Nomin), para tukang (Shonin) dan saudagar (Chosu)³⁶. Shogun Tokugawa menjalankan pentadbiran yang berbentuk feudalisme. Tokugawa juga memperkenalkan satu pemerintahan yang membolehkan perhatian dan kawalan ketat diberikan ke atas kuasa-kuasa Daimyo dan kegiatan tuan-tuan tanah feudal yang dianggap mencurigakan terutamanya Daimyo Tozama³⁷. “Kinchu Kuge-Sho-Hatto” atau peraturan istana juga

³⁵ Oda Nobunaga dan Toyotomi Hideyoshi adalah merupakan dua tokoh yang begitu terkenal ketika era Sengoku Jidai iaitu zaman perperangan. Ini adalah kerana pada zaman ini seringkali berlakunya perperangan antara puak-puak di Jepun. Zaman ini merupakan zaman anarki iaitu suatu zaman yang penuh dengan kacau bilau dan dipenuhi dengan hasad dengki. Oda Nobunaga adalah seorang Daimyo di wilayah Owari. Manakala Toyotomi Hideyoshi adalah seorang Samurai yang berkhidmat di bawah Oda Nobunaga, yang juga merupakan seorang jeneral yang berkuasa dan paling dipercayai oleh Oda Nobunaga.

³⁶ Albert C. Ganley, *Japan : A Short History*, (New York : Wayside Publishing, 1989) hal. 20.

³⁷ George Samson, *A History Of Japan 1334-1615*, (London : The Cresset Press, 1961) hal. 34.

diwujudkan untuk menyekat kuasa Maharaja dan golongan bangsawan serta kerajaan imperial yang dianggap berpotensi mengancam Keshogunan.

Pada zaman ini juga sekatan sosial dilakukan seperti dilarang sebarang bentuk perkahwinan campur antara kelas sosial. Selain itu peraturan tentang rumah, pakaian dan pergaulan juga dikuatkuasakan. Satu perkara penting yang dilakukan pada zaman ini ialah dasar pemencilan diri Jepun dari pengaruh luar terutamanya kuasa-kuasa Barat. Ini adalah kerana ditakuti kuasa-kuasa dan pengaruh luar itu akan menggugat pemerintahan Kesyogunan. Akhirnya dinasti ini telah dijatuhkan kerana pelbagai masalah yang timbul seperti masalah hutang yang melanda golongan Daimyo³⁸, peranan saudagar yang telah memiskinkan para Daimyo dan yang terbesarnya adalah tentangan daripada empat suku kaum di bahagian Barat Jepun. Empat suku kaum itu ialah kaum Satsumo, Choshu, Hina dan Tozama. Selain itu bencana alam iaitu serangan serangga perosak dan lain-lain adalah menjadi penyebab untuk rakyat menolak pemerintahan Tokugawa kerana dianggap sudah tidak mendapat perkenan Dewa atau Tuhan Shinto. Atas sebab-sebab tersebut, akhirnya pemerintahan Tokugawa digulingkan dan diganti dengan pemerintahan Maharaja Meiji yang juga merupakan peralihan semula kuasa pemerintahan ke tangan Maharaja. Maharaja Meiji menaiki takhta pada 1868 dan bermulalah era Jepun moden hingga ke hari ini³⁹.

³⁸ George Samson, *op. cit.*, hal. 213-214.

³⁹ Artikel bertajuk *Gendai Nippon no Kōporēto Gabanansu* daripada (Corporate Governance in Contemporary Japan), ditulis oleh Inagami Takeshi. Tokyo: Toyō Keizai Shinpōsha, 2000.

2.5 Jepun Kontemporari

Jepun pada hari ini mempunyai keluasan dari utara ke selatan yang sama jaraknya antara Oslo ke Naples. Lebih 50 peratus kawasan di Jepun adalah pergunungan yang dilitupi hutan. Jepun mempunyai lapan wilayah iaitu Hokkaido, Tohoku, Kanto, Chubu, Kinki, Chagoku, Shikoku dan Kyushu. Terdapat lebih kurang 47 buah bandar besar di Jepun termasuklah Fukuoka, Hiroshima, Kamakura, Kobe, Kyoto, Nagasaki, Nagoya, Nara, Osaka, Sapporo, Tokyo, Yokohama dan lain-lain. Pada masa ini penduduk Jepun adalah lebih kurang 125,000,000 (125 juta)⁴⁰. Kebanyakan penduduk Jepun adalah merupakan masyarakatnya sendiri, dan selebihnya adalah orang-orang luar yang majoritinya adalah masyarakat Korea.

⁴⁰ Sumber internet: <http://www.japan.guide.com/list/e1000.html>

Prime Minister	<u>Junichiro Koizumi</u>	Public Management, Home Affairs, Posts and Telecommunications	<u>Toranosuke Katayama*</u>
Justice	<u>Mayumi Moriyama*</u>	Foreign Affairs	<u>Yoriko Kawaguchi*</u>
Finance	<u>Masajuro Shiokawa*</u>	Education, Culture, Sports, Science and Technology	<u>Atsuko Toyama*</u>
Health, Labor and Welfare	<u>Chikara Sakaguchi*</u>	Agriculture, Forestry and Fisheries	<u>Yoshiyuki Kamei</u>
Economy, Trade and Industry	<u>Takeo Hiranuma*</u>	Land, Infrastructure and Transport	<u>Chikage Ogi*</u>
Environment	<u>Shunichi Suzuki</u>	Chief Cabinet Secretary	<u>Yasuo Fukuda*</u>
National Public Safety Commission	<u>Sadakazu Tanigaki</u>	Defense	<u>Shigeru Ishiba</u>
State Minister (Disaster prevention)	<u>Yoshitada Konoike</u>	State Minister (Financial, economic and fiscal policy)	<u>Heizo Takenaka*</u>
State Minister (Administrative and regulatory reforms)	<u>Nobuteru Ishihara*</u>	State Minister (Okinawa and affairs related to northern territory/Council for Science and Technology Policy)	<u>Hiroyuki Hosoda</u>

* appointed to same post as in previous Cabinet

Senarai penuh kabinet atau Diet Jepun yang direkodkan pada 2003.
 (sumber: Artikel Peter Hill bertajuk: *Burst Bubble and Bōtaihō*. daripada Japan Social Science Journal: 1998)

Untuk membincangkan tentang Jepun kontemporari ini juga kita patut melihat kaitan orang-orang Jepun dengan agama Buddha dan Konfuciusnisme. Sifat-sifat seperti ketekunan, jimat cermat dan menabung sangat tinggi dalam masyarakat mereka. Walau bagaimanapun sifat menabung bagi masyarakat Jepun meningkat dengan drastik pada akhir-akhir ini kerana keupayaan dan belanja hidup yang semakin tinggi. Selain itu satu lagi keadaan masyarakat Jepun sekarang ini ialah tentang masalah perumahan. Ia masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Pertambahan kawasan penempatan masih kecil jika dibandingkan dengan tahap pembangunan ekonomi negara Jepun.

Kemudahan pembentungan dan saliran masih agak ketinggalan di belakang berbanding pembangunan dalam bidang-bidang lain. Di kawasan bandaraya juga masih terdapat banyak tiang-tiang elektrik yang secara tidak langsung telah mencacatkan permandangan kota metropolitan di Jepun⁴¹. Jalanraya juga masih agak sempit dan kesesakan lalu-lintas sering berlaku. Tetapi dalam aspek lain seperti pemilikkan barang-barang keperluan rumah seperti televisyen, peti sejuk, perakam video, mesin basuh, sistem audio, telefon, komputer, penyedut hampagas, pendingin hawa dan lain-lain lagi adalah yang paling tinggi di dunia. Bagi statistik pemilik telefon rumah pula, Jepun menduduki tempat kedua di belakang Amerika Syarikat. Jadi di sini jelas bahawa Jepun sebenarnya jauh lebih moden dan maju berbanding negara-negara lain di dunia walaupun mempunyai sedikit kekurangan seperti dalam aspek pembentungan dan penempatan.

Selain itu kejayaan Jepun dalam menganjurkan kejohanan Piala Dunia 2002 bersama-sama Korea juga adalah satu kejayaan terbesar dan diiktiraf sebagai penganjur yang terbaik di dunia setakat ini. Jepun bukan sahaja telah berjaya menganjurkan sukan nombor satu dunia itu dengan hebat bahkan kelancaran dan kemudahan serta teknologi penyiarannya juga adalah yang terbaik di dunia. Ini juga secara tidak langsung telah membuktikan bahawa Jepun dan Asia amnya lebih baik dari barat dan juga setanding kemajuannya dalam segala bidang. Selain itu Jepun juga telah berjaya menganjurkan pelbagai sukan bertaraf dunia seperti Sukan Olimpik 1986, Sukan Asia 1990, Sukan Olimpik Musim Sejuk 1982 dan lain-lain lagi.

⁴¹ *ibid.*, hal 55.

Selain itu juga, Jepun juga mempunyai taraf konsumerisme atau budaya membeli belah yang tertinggi di dunia. Konsumer begitu sinonim dengan masyarakat Jepun, ia menular ke dalam setiap anggota masyarakat tanpa mengira kelas. Disebabkan kejayaan Jepun yang telah menyamaratakan pendapatan dan mencapai agihan kekayaan yang secara perbandingannya adalah adil maka budaya ini telah berkembang dengan baik. Masyarakat Jepun juga mempunyai kecenderungan bersukan yang hampir sama bagi semua lapisan masyarakat iaitu sukan golf dan bowling. Walau bagaimanapun sekarang ini dengan perkembangan teknologi masyarakat Jepun mula meminati sukan virtual atau maya seperti *playstation*, *digimon* permainan virtual dan lain-lain lagi terutamanya golongan muda. Selain itu hampir semua lapisan masyarakat Jepun meminati gusti tradisional iaitu Sumo, sejenis gusti tradisional Jepun yang menjadi sukan kebanggaan rakyat dan mempunyai peminat yang sangat ramai. Ahli gustinya berbadan besar, tidak memakai baju, hanya bercawat dan akan cuba menjatuhkan pihak lawan untuk mendapatkan kemenangan. Enam kejohanan utama Sumo yang setiap satu daripadanya berterusan selama lima belas hari diadakan setiap tahun di Jepun. Mereka mengisi masa lapang dengan bermain Mahjong dan Pachinko iaitu sejenis permainan seperti pin ball.



Golongan dewasa Jepun juga meminati permainan Pachinko.
(sumber: Jurnal bertajuk *Negotiating Identity in Contemporary Japan: the Case of Kikokushijo*, ditulis oleh Ching Lin Pang. London and New York: Kegan Paul International, 2000)

Jepun juga adalah merupakan pengeluar kereta utama dunia seperti kereta Mazda, Nissan, Toyota, Mitsubishi dan lain-lain. Kebanyakan rakyatnya berbangga dengan kereta ciptaan negara mereka sendiri berbanding kereta yang diimport. Atas sebab inilah kereta-kereta mewah seperti Rolls-Royce, Mercedes Benz, BMW, Jaguar dan lain-lain agak jarang dapat dilihat di jalan-jalan raya di Jepun. Masyarakatnya juga tidak suka memiliki kereta mewah termasuklah kapal-kapal layar mewah walaupun Jepun adalah pengeluar kapal yang utama di dunia. Juga hanya sebilangan kecil yang memiliki kapal terbang peribadi.


Dalam aspek pakaian pula, mereka memiliki sut moden seperti vest, tuxedo, blazer, skirt, gaun, blaus dan lain-lain. Tetapi hampir setiap masyarakatnya memiliki pakaian tradisional iaitu Kimono. Kimono adalah lambang dan identiti sebuah masyarakat yang lembut dan teratur kehidupannya. Kimono ini mampu dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat. Ia lebih menarik lagi jika mereka memakainya bersama kasut kayu atau terompah kayu yang disebut *Geta*.

Hampir semua orang menikmati makanan dan minuman yang sama, walau apapun kedudukan sosial mereka. Jepun juga tidak dapat lari pengaruh globalisasi, dan mereka telah menerima makanan-makanan dari barat yang bersifat global seperti Kentucky Fried Chicken (KFC), McDonalds, Pizza Hut, Coca-Cola, Pepsi dan lain-lain lagi. Makanan jenis ini amat diminati oleh golongan muda terutamanya pelajar. Walau bagaimanapun makanan tradisi Jepun seperti Sushi⁴² dan Sukiyaki⁴³ masih diminati. Selain itu sejenis minuman tradisi yang popular iaitu Sake⁴⁴ amat diminati dan digemari oleh masyarakat Jepun terutama sekali golongan veteran. Manakala golongan muda pula lebih meminati minuman kontemporari seperti Coca-Cola, Pepsi, Wain, Carlsberg, Beer, Anchor dan lain-lain.

⁴² Sushi adalah sejenis makanan Jepun yang tipikal bersama-sama tofu, sukiyaki dan hidangan-hidangan lain. Nasi untuk Sushi diperbuat dengan memberi rasa pada nasi kukus dengan meletakkan cuka, mirin (sake manis yang digunakan sebagai perasa) atau perasa lain. Sehingga zaman pertengahan, sushi terdiri daripada ikan mentah yang diletakkan dalam nasi kukus dan dijeruk dengan membiarkan ia menapai. Sushi lain, yang diperkenalkan pada zaman Edo dibuat dengan cepat melalui penggunaan cuka untuk memperasakan nasi dan menghapuskan peringkat penapaian.

⁴³ Sukiyaki ialah hidangan Jepun yang terkenal, terdiri daripada daging yang dihiris nipis yang dimasak bersama tofu, daun bawang, kuchai dan ramuan lain dalam sup yang dibuat daripada kicap, mirin (wain beras manis), gula dan perasa lain. Ia biasanya dimakan dari nabe (periuk memasak) besar yang diletakkan ditengah-tengah meja. Selama hampir seribu tahun orang Jepun tidak memakan daging, tetapi ia telah diperkenalkan dari barat selepas pemulihian Meiji dan cepat menjadi popular diseluruh negara. Sukiyaki kini ialah salah satu hidangan Jepun yang paling tipikal. Adat berkongsi makanan dari satu periuk besar telah menjadi perkara biasa di Jepun sejak zaman dahulukala.

⁴⁴ Sake sejenis minuman keras orang Jepun yang diperbuat daripada beras dan air yang diperam.



Kentucky Fried Chicken atau KFC adalah makanan segera yang amat popular di Jepun.
(sumber: www.japanlifestyle.jpg.com/omm_hhu)

Dalam aspek pelancongan masyarakat Jepun lebih gemar melancong dalam negara kerana mereka mempunyai banyak tempat-tempat pelancongan yang menarik. Bagi golongan yang kaya, mereka lebih suka melancong dalam negara. Kos untuk pelancongan di Jepun lebih tinggi jika dibandingkan keluar negara. Boleh dikatakan hanya golongan sederhana yang banyak melancong keluar negara kerana kosnya tidaklah semahal melancong di Jepun sendiri⁴⁵. Satu lagi ciri masyarakat Jepun ialah mereka lebih suka melancong secara berkumpulan berbanding individu. Pada masa kini, kumpulan-

⁴⁵ Roger Buckley, *Japan Today, Third Edition*, Cambridge University Press, 1999, hlm 20.

kumpulan pelancong Jepun ini biasa dilihat di Kuala Lumpur berbanding dahulunya pelancong-pelancong dari Eropah dan Barat⁴⁶.



Antara kawasan pelancongan yang menarik di Jepun yang hanya mampu dilawati oleh golongan yang mewah dan berada sahaja.
 (sumber: www.all_aboutjapan.com.arpg)

Hiburan adalah sesuatu yang sinonim dengan Jepun. Mereka sanggup menghabiskan ribuan ringgit untuk berhibur terutamanya di hujung minggu setelah penat bekerja di pejabat atau kilang mereka juga amat menggemari karaoke⁴⁷. Kita juga dapat

⁴⁶ *Ibid.*, hal 77.

⁴⁷ Karaoke, yang makna literalnya ialah ‘orkestra kosong’, ialah muzik irungan tanpa lirik atau versi Jepun “muzik tanpa nyanyian”. Minat besar dalam karaoke bermula dalam sepuluh tahun yang lalu apabila dipentas-pentas, mikrofon mula digunakan untuk menyanyikan lagu-lagu popular dengan diiringi muzik dala pita. Jualan pita ini melambung tinggi, dan pada masa sekarang kegiatan masa lapang ini dilakukan di kelab malam, di rumah dan dipertemuan sosial di seluruh negara. Kelab karaoke yang tujuan tunggalnya ialah untuk ahli-ahlinya bertemu dan menikmati karaoke telah ditubuhkan diserata tempat dan kini telah menjadi suatu fenomena sosial yang baru. Fenomena karaoke ini mempunyai latar-belakang sejarah ; sejak

melihat orang-orang Jepun yang datang ke Malaysia sama ada yang terlibat dengan perniagaan dan perkilangan juga sentiasa mengunjungi pusat-pusat karaoke di sekitar Lembah Kelang. Antara tujuan utamanya ialah untuk bersuka-ria dan berehat setelah penat bekerja seharian. Selain itu mereka juga amat menggemari permainan mahjong⁴⁸.

Perkembangan komunikasi seperti perkhidmatan pos, telefon, e-mail dan lain-lain telah mencapai tahap perkembangan yang sangat tinggi. Ia berkembang dengan sangat pesat dan meningkat dengan begitu mendadak sekali mengatasi negara-negara lain di dunia. Jepun selalu menjadi perintis dalam memperkenalkan model atau fungsi telefon bimbit yang baru kepada warga dunia. Dan kemudian, barat khususnya akan memperkembangkannya pula ke seluruh dunia. Hinggakan banyak syarikat komunikasi luar yang mahu bekerjasama memajukan bidang komunikasi ini dengan Jepun. Maka lahirlah Sony-Ericson, Panasonic-Motorola dan lain-lain. Dalam bidang mel pula, penyerahan bagasi dan bungkuskan kecil telah menjadi amat mudah dan pantas. Barang-barang boleh dihantar dengan segera walaupun melalui pembelian di internet. Tambahan lagi, faksimili dan sistem suratkhabar elektronik telah membolehkan penghantaran dan penerimaan maklumat bertulis, tanpa mengirim kertas yang dicetak. Maklumat yang diterima oleh masyarakat melalui televisyen, radio, suratkhabar dan majalah telah bertambah beratus kali ganda dalam masa yang singkat sahaja.

zaman Edo, tetamu dimajlis biasanya bergilir-gilir menyanyi, menari atau memepersembahkan satu bentuk hiburan yang lain, dan ini tidak syak lagi, telah memudahkan orang-ramai menerima karaoke dengan begitu senang.

⁴⁸ Mahjong adalah sejenis permainan yang dimainkan secara berkumpulan. Pemain mestilah menyusun buah-buah kayu supaya mendapat nombor yang sama. Ada juga yang bermainnya dengan duit dan boleh juga dianggap sebagai satu bentuk perjudian.

Sekarang ini, banyak urusan hanya dilakukan di rumah sahaja terutamanya pembayaran segala jenis bil, pembelian keperluan hidup, pembelajaran elektronik, urusan perbankan dan segala mendapatkan segala maklumat terkini. Dengan berkembangnya revolusi teknologi e-mail, bolehlah dikatakan semua urusan hanya dihujung jari sahaja. Secara tidak langsung keadaan ini, memungkinkan wujudnya masyarakat yang bersifat individualistik kerana kurangnya percampuran sesama masyarakat.

Kebudayaan Jepun pada hari ini telah mencapai satu taraf yang amat membanggakan. Jepun bukan sahaja dikenali kerana teknologinya, malahan mereka mengatasi masyarakat lain dalam segala aspek. Penularan budaya Jepun yang berlaku sekarang ini seiring dengan arus globalisasi dunia, contohnya dalam aspek berpakaian atau fesyen. Fesyen-fesyen Jepun sudah mula diterima di barat termasuklah kota Paris iaitu pusat fesyen dunia. Nama-nama seperti Kenzo, Comme des Garcons, Issey Miyake dan Rei Kawakubo kini terpampang pada pakaian ataupun di kedai-kedai di semua ibu negara dunia. Nama mereka sentiasa menjadi sebutan. Manakala kedai-kedai ataupun restoran Jepun sentiasa berkembang. Di mana-mana kota besar dunia, kita boleh temui “Sushi Bar” atau “Sushi King” dan sebagainya. Masyarakat mengunjunginya tempat-tempat makanan ini kerana ingin mencuba sesuatu yang baru dan akan sentiasa datang semula kerana keenakan rasanya dan layanan istimewa dari pekerjanya yang selalunya adalah rakyat Jepun sendiri. Makanan-makanan ini berkhasiat dan dianggap diet yang sesuai. Selain itu kosmetik Jepun juga biasa dijumpai di pasaraya dan kedai-kedai seluruh Malaysia dan dunia umumnya. Jenama Shiseido, Shokubutsu, Biore, Cuticura, Kao-

Merit, Gervenne dan lain-lain begitu popular dan digunakan oleh segenap lapisan masyarakat

Dunia amnya termasuklah Malaysia memang mengenali syarikat-syarikat gergasi seperti Panasonic, National, Matsushista, J.V.C, Aiwa, Akira, Sanyo, Toshiba, Hitachi dan lain-lain lagi. Syarikat-syarikat ini bukan sahaja beroperasi di Malaysia malahan juga telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan Pengeluaran Dalam Negara Kasar Dalam Negara (KDNK). Syarikat-syarikat ini telah menguasai pasaran barang siap khususnya barang elektrik dunia. Selain itu dalam aspek perdagangan dan perbankan, Jepun juga dikenali di seluruh pelosok dunia. Bank Of Tokyo (B.O.T) dan Taisho-Marine adalah dua syarikat besar yang mendominasi bidang ini. Bidang kepakaran dan teknologi Jepun memang diakui dunia, bahkan banyak negara meminta kepakaran ini dalam memajukan sesuatu bidang. Contohnya Malaysia melalui teknologi Jepun kita telah membina banyak bangunan yang hebat seperti Sogo, K.L. Sentral, KLIA, KLCC dan lain-lain lagi.

Alatan elektrik dan elektronik seperti Walkman Sanyo, Hifi Aiwa, Televisyen J.V.C., Kamera Video National, Peti Sejuk Toshiba, Mesin Basuh Elba, Pemain Video Cakera HessStar dan sebagainya, adalah sinonim dengan masyarakat Malaysia dan dunia amnya. Boleh dikatakan juga, dalam kehidupan manusia hari ini, sememangnya tidak dapat lari dari alat-alat ciptaan atau teknologi dari Jepun. Semua ini menjadi pelengkap dan memudahkan segala urusan kehidupan seharian kita. Hampir setiap rumah pada hari ini menggunakan barang dari Jepun, dari sekecil-kecil alat seperti jam tangan Casio

hinggalah sebesar-besar barang seperti peti sejuk Toshiba atau pendingin udara Hitachi. Tetapi bagi masyarakat Jepun ini adalah perkara biasa. Mereka menguasai segala alatan dan teknologi. Boleh dikatakan semua rumah penduduk Jepun mempunyai barang ciptaan negara mereka sendiri. Kebanyakannya dijual dengan harga yang murah dan ia sentiasa berubah kepada yang lebih canggih dalam tempoh yang singkat. Hinggakan ada sebilangan penduduk Jepun yang membuang barang elektrik mereka walaupun ianya masih elok. Ini adalah kerana mereka boleh mendapatkan yang lebih baik di pasaran dengan harga yang murah dan yang terkini.



walau bagaimana majupun sesebuah Negara itu tetapi masih ada yang tercicir. Ini adalah gambar penduduk Jepun yang tidak mempunyai rumah di Tokyo.

(sumber: www.galleryjapan_homeless.com.jpg)

Bagi kota-kota Jepun pada hari ini, mereka mempunyai antara bandaraya yang tercanggih di dunia. Bandar-bandar Jepun sangat maju dan sofistikated terutamanya dalam aspek pengangkutan dan juga kemudahan infranstruktur. Mereka mempunyai "Bullet Train" atau keretapi laju yang terbaik dan termaju di dunia yang boleh bergerak pada kelajuan 380 km/j. Seni bina Jepun lebih inovatif dan imaginative serta menarik berbanding binaan di kota-kota besar dunia seperti di London, New York, Paris dan lain-lain lagi.

Maka dari semua keterangan ini jelaslah kepada kita bahawa Jepun lebih maju dan lebih baik dalam banyak segi pada hari ini. Mereka memang selayaknya mendapat tempat yang terbaik di mata dunia kerana telah berjaya membina satu personaliti peradaban yang lain dari yang lain serta lebih baik berbanding tamadun lain termasuklah tamadun barat.